

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN (ROMPIN)**

**TARIKH : 10 OKT 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah pengeluaran biodiesel pada tahun 2018 dan sehingga Jun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan penggunaan biodiesel di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Program biodiesel negara telah mula diperkenalkan pada tahun 2011 dengan kadar adunan B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum). Pada ketika ini, kadar adunan yang terdapat di stesen minyak di seluruh negara adalah pada kadar B10 (adunan 10% biodiesel sawit dengan 90% diesel petroleum) di bawah Program B10 di sektor pengangkutan. Program B10 ini dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 akan menggunakan sebanyak 534,000 tan biodiesel setahun.

Manakala, Program B7 di sektor industri telah dilaksanakan buat pertama kali pada 1 Julai 2019 akan menggunakan sebanyak 227,000 tan biodiesel setahun. Susulan Kementerian Industri Utama (MPI) berjaya melaksanakan Program B10 di sektor pengangkutan, MPI berhasrat untuk meningkatkan kadar adunan ini kepada B20 pada tahun 2020 dan B30 seawal tahun 2021. Manakala, Program B7 di sektor industri akan ditingkatkan ke B10 menjelang 2025.

Untuk makluman, pengeluaran biodiesel yang telah direkodkan sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 1,089,964 tan. Manakala jumlah pengeluaran biodiesel bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah sebanyak 678,229 tan.

Sekian, terima Kasih.